



PENCAPAIAN CALON BN BUKAN MELAYU DI KAWASAN PARLIMEN MAJORITI PENGUNDI MELAYU DARI PRU KE-11, 2004 HINGGA PRU KE-14, 2018: SATU ANALISIS

*THE ACHIEVEMENT OF THE NON-MALAY CANDIDATES IN THE MALAY
MAJORITY PARLIAMENTARY AREAS FROM GE-11, 2004 UNTIL THE GE-14,
2018: AN ANALYSIS*

Mohd. Noor Yazid, Ph.D, Prof. Madya

¹ Program Hubungan Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Kota Kinabalu
Email: mohdnoor@ums.edu.my

Article Info:

Article history:

Received date: 13.04.2020

Revised date: 21.04.2020

Accepted date: 31.05.2020

Published date: 10.06.2020

To cite this document:

Mohd Noor Yazid. (2020).
Pencapaian Calon BN Bukan Melayu
di Kawasan Parlimen Majoriti
Pengundi Melayu dari PRU Ke-11,
2004 Hingga PRU Ke-14, 2018: Satu
Analisis. *International Journal of Law,
Government and Communication*, 5
(19), 95-106.

DOI: 10.35631/IJLGC.519007.

Abstrak:

Artikel ini membincangkan pencapaian calon-calon BN bukan Melayu yang bertanding di kawasan parlimen majoriti pengundi Melayu sejak pilihan raya umum ke-11, 2004 hingga ke pilihan raya umum ke-14, 2018. Sepuluh kawasan parlimen telah dipilih bagi melihat tren Sokongan dan pencapaian yang dicapai sejak empat pilihan raya umum lepas bermula daripada pilihanraya umum ke-11, 2004. Kenapa pihak pengurusan BN meletakkan calon BN daripada parti bukan UMNO (bukan Melayu) di kawasan yang mempunyai majoriti pengundi Melayu? Kajian ini mempunyai beberapa objektif utama; pertamanya melihat apakah tren Sokongan kepada calon bukan Melayu dan, kedua apakah faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan sokongan. Kajian ini mendapat bahawa terdapat perubahan besar sokongan pengundi kepada calon BN bukan Melayu yang bertanding di kawasan majoriti Melayu mulai tahun 2008 dan paling nyata perubahan besar dalam pilihan raya umum tahun 2018. Calon-calon BN bukan Melayu tidak lagi selamat dan sukar mendapat kemenangan mudah apabila bertanding di kawasan majoriti pengundi Melayu.

Kata Kunci:

Barisan Nasional, Pakatan Harapan, Bukan-Melayu, Kawasan Parlimen
Majoriti Melayu, Pilihanraya Umum Ke-14

Abstract:

This article discusses the achievement of non-Malay candidates in the Malay majority of parliamentary areas from GE-11, 2004 until the GE-14, 2018. Ten parliamentary areas were chosen in studying the voters' trend towards non-Malays BN candidates. Why did BN top party management decide to choose non-Malays candidates in the Malays parliamentary majority areas? The main objectives of the study are; firstly to discuss what is the trend of Malays support to the non-Malay candidates and, secondly what is the factors contribute to the changes of the Malay voters to the non-Malays candidates. This study concludes that there were some changes in the Malay support towards non-Malays candidates since GE-12, 2008, and great changes been occurred in GE-14, 2018. The non-Malays candidates in the Malay majority parliamentary areas were not secure since GE-14, 2018.

Keywords:

Barisan Nasional, Pakatan Harapan, non-Malay, Majority Malay Parliamentary, GE 14.

Pengenalan

Kajian ini membincangkan pencapaian calon-calon BN bukan Melayu yang bertanding di kawasan parlimen majoriti pengundi Melayu sejak pilihan raya umum ke-11, 2004 hingga kepada pilihan raya umum ke-14, Mei 2018. Sepuluh kawasan parlimen telah dipilih bagi melihat trenda sokongan dan pencapaian yang dicapai sejak empat pilihan raya umum lepas bermula daripada pilihan raya umum ke-11, 2004.¹ Kawasan parlimen yang dipilih itu adalah P.9 Alor Setar, P.77 Tanjung Malim, P. 80 Raub, P. 83 Kuantan, P.94 Hulu Selangor, P. 116 Wangsa Maju, P. 135 Alor Gajah, P. 148 Ayer Hitam, P. 151 Simpang Renggam dan P. 165 Tanjong Piai. Kawasan majoriti pengundi Melayu ini adalah merujuk kepada pengundi Melayu dalam kawasan parlimen itu adalah peratus yang terbesar berbanding dengan kaum-kaum lain. Kebanyakan kawasan parlimen yang dipilih dalam kajian ini adalah melebihi 50% pengundi Melayu. Terdapat beberapa kawasan parlimen yang kurang sedikit daripada 50% pengundi Melayu, tetapi mempunyai peratus pengundi bangsa Melayu yang terbesar berbanding dengan peratus pengundi kaum-kaum lain. Peratus pengundi Melayu di kawasan parlimen yang dipilih ini berlaku sedikit perubahan dan turun-naik peratus daripada satu pilihan raya kepada satu pilihan raya umum yang lain.

Kenapa pihak pengurusan BN meletakkan calon BN daripada parti politik bukan UMNO (bukan Melayu) di kawasan yang mempunyai majoriti pengundi bangsa Melayu? Pada asasnya ini dilakukan adalah berdasarkan semangat setiakawan dan kerjasama sesama parti-parti komponen dalam BN, khususnya antara UMNO dan MCA.² Ianya tidak menimbulkan satu

¹ Sepuluh kawasan parlimen itu di ambil dalam kajian ini sahaja. Terdapat lagi beberapa kawasan parlimen yang mempunyai majoriti pengundi bangsa Melayu, tetapi di berikan kepada calon daripada parti komponen BN yang bukan Melayu. Perkara ini tidak menjadi apa-apa masalah kerana sokongan pengundi kaum Cina kepada calon BN bangsa Melayu sebelum pilihanraya umum ke-13 dan ke-14 adalah agak meluas.

² Perkara ini telah berlaku sejak zaman pentadbiran Tunku Abdul Rahman, perdana menteri pertama dalam pilihan raya-pilihan raya awal selepas merdeka. Ini dilakukan atas semangat setiakawan parti Perikatan dan memberi peluang kepada rakan-rakan daripada MCA dan MIC untuk menjadi ahli parlimen. Bilangan kawasan parlimen yang terdiri daripada majoriti pengundi kaum Cina adalah kecil bilangannya. Persoalan ini sepatutnya disesuaikan semula apabila bilangan kawasan parlimen pengundi kaum Cina telah bertambah. Pemimpin utama MCA juga disatu sudut perlu bertanding di kawasan majoriti pengundi kaum Cina bagi melihat sokongan dan pendirian sebenar pengundi kaum Cina. Pemimpin utama MCA sepatutnya memberanikan diri bertanding di kawasan parlimen yang tediri daripada majoriti kaum Cina seperti Bukit Bintang, Kepong, Seputeh dan seumpamanya.

masalah besar kepada pihak BN kerana calon-calon ini mendapat kemenangan dengan mudah dan mendapat sokongan besar daripada pengundi bangsa Melayu. Sebagai timbal baliknya pengundi bukan Melayu khususnya daripada kaum Cina pula memberi sokongan kepada calon BN daripada bangsa Melayu di kawasan pengundian lain yang ditandingi oleh calon BN-UMNO. Calon-calon BN keturunan bukan Melayu yang mewakili kawasan parliment majoriti Melayu ini juga secara kasarnya juga menyokong dasar-dasar UMNO dan BN, khususnya dalam perbahasan dalam parliment. Sekarang telah mula timbul persoalan yang perlu difikirkan kerana calon-calon bukan Melayu yang bertanding di kawasan majoriti Melayu sudah tidak lagi menjamin kemenangan. Pendirian calon BN bukan UMNO yang menang di kawasan majoriti pengundi Melayu ini juga kadang-kadang mengelirukan dan tidak lagi memberikan sokongan seratus peratus terhadap pendirian UMNO dan BN dalam hal-hal berkaitan persoalan kepentingan Melayu dan isu-isu berkaitan dengan kedudukan dan kepentingan agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan. Persoalan serta perkembangan baru yang timbul yang menjadikan persoalan ini (calon bukan Melayu bertanding di kawasan majoriti pengundi Melayu) menjadi penting yang perlu difikir semula oleh pihak pengurusan BN. Perpecahan serta keputusan calon bukan Melayu dalam pilihan raya umum ke-14 dan keputusan beberapa buah parti komponen keluar BN (parti-parti komponen BN bukan Melayu) selepas pilihanraya umum ke-14, 2018 menjadikan persoalan ini menjadi bertambah penting dalam pengurusan dan penentuan calon BN bukan Melayu di kawasan majoriti parliment bangsa Melayu. Persoalan asas yang perlu dipertimbangkan ialah kenapa kawasan parliment majoriti bangsa Melayu diberikan kepada calon bukan Melayu? Belum mencukupkah kawasan parliment majoriti bukan Melayu untuk ditandingi oleh calon-calon BN bukan Melayu?

Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa objektif utama, iaitu: -

1. Menjelaskan pencapaian calon-calon BN bukan Melayu di kawasan majoriti pengundi Melayu di kawasan parliment yang dipilih.
2. Membincangkan perubahan-perubahan sokongan pengundi yang berlaku daripada pilihan raya umum dari tahun 2004 hingga 2018.
3. Menganalisis trenda sokongan kawasan parliment majoriti pengundi Melayu kepada calon bukan Melayu dan apakah perubahan yang telah berlaku serta apakah faktor yang boleh dikaitkan yang menyebabkan berlaku perubahan sokongan yang sedemikian.

Persoalan Kajian

Kajian ini mempunyai tiga persoalan utama, iaitu: -

1. Adakah calon-calon BN bukan Melayu mendapat sokongan pengundi Melayu daripada pilihan raya umum ke-11 hingga ke pilihan raya umum ke-14?
2. Bilakah bermulanya perubahan sokongan pengundi Melayu kepada calon BN bukan Melayu berlaku?
3. Mengapa berlakunya perubahan sokongan pengundi Melayu terhadap calon bukan Melayu dan apakah faktor yang dapat menjelaskan berlakunya perkembangan yang sedemikian?

Skop Kajian

Kajian ini meliputi 10 kawasan parliment majoriti pengundi Melayu yang ditandingi oleh calon-calon BN bukan Melayu iaitu P. 9 Alor Setar, P. 77 Tanjong Malim, P. 80 Raub, P.83 Kuantan, P. 94 Hulu Selangor, P.116 Wangsa Maju, P. 135 Alor Gajah, P. 148 Ayer Hitam, P. 151

Simpang Renggam dan P. 165 Tanjung Piai. Kajian ini meliputi empat pilihan raya umum iaitu bermula dari pilihan raya umum ke-11, 2004 hingga pilihan raya umum ke-14, 2018.

Metod Kajian

Kajian ini menggunakan data-data sekunder seperti buku, akhbar, majalah dan sumber online. Perbincangan ini dibahagikan kepada enam bahagian utama iaitu; pertamanya pengenalan; kedua, pencapaian calon BN bukan Melayu dalam pilihan raya umum ke-11, 2004; bahagian ketiga pencapaian calon BN bukan Melayu dalam PRU ke-12, 2008; keempat pencapaian dalam PRU ke-13; kelima pencapaian calon bukan Melayu dalam PRU ke 14, 2008 dan; terakhir perbincangan dan rumusan kesemua pencapaian calon-calon BN bukan Melayu dalam keempat-empat pilihan raya umum itu.

Pencapaian Calon BN Bukan Melayu dalam PRU ke-11, 2004

Dalam pilihan raya umum ke-11, 2004 kesemua kerusi parlimen majoriti Melayu yang dipilih iaitu P. 9 Alor Setar, P.77 Tanjung Malim, P. 80 Raub, P. 83 Kuantan, P. 94 Hulu Selangor, P. 116 Wangsa Maju, P. 135 Alor Gajah, P. 148 Ayer Hitam, P. 151 Simpang Renggam dan P. 165 Tanjung Piai berjaya dimenangi oleh calon BN daripada keturunan bukan Melayu dengan majoriti yang selamat. Sokongan besar diperolehi oleh calon BN bukan Melayu dan pencabarnya telah mengalami kekalahan teruk. Undi majoriti yang diperolehi oleh calon-calon BN bukan Melayu ini adalah besar dan berada dalam keadaan selamat. Majoriti yang besar itu sukar untuk dicabar dan dimenangi oleh calon daripada parti pembangkang. Maklumat lanjut dapat dilihat dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Keputusan Calon BN dan Barisan Alternatif di Kawasan Parlimen Majoriti Melayu Terpilih dalam PRU Ke-11, 2004

Kawasan Parlimen	Undi calon BN	Barisan Alternatif	Undi majoriti calon BN
P. 9 Alor Setar (M=58%)	MCA=28,379 (65.6%)	PKR(M)=13,864 (32.15)	14,515 undi
P.77 Tanjung Malim (M=49%)	MCA=24,025 (68.8%)	PKR(M)=9,489 (27.2%)	14,536 undi
P.80 Raub (M=48%)	MCA=20,472 (62.9%)	DAP=10,720 (32.9%)	9,752 undi
P.83 Kuantan (M=58%)	MCA=21,324 (62.2%)	PKR(M)=12,177 (35.5%)	9,147 undi
P.94 Hulu Selangor (M=50%)	MIC=27,807 (65.3%)	PAS=13,324 (31.3%)	14,483 undi
P.116 Wangsa Maju (M=53%)	MCA=23,135 (62.1%)	PKR(M)=12,950 (34.8%)	10,185 undi
P135 Alor Gajah (M=55%)	MCA=29,920 (76.0%)	DAP=7,372 (18.7%)	22,548 undi
P.148 Ayer Hitam (M=56%)	MCA=20,065 (79.6%)	PAS=4,302 (17.1%)	15,763 undi
P.151 Simpang Renggam (M=54%)	Gerakan=18,997 (76.37%)	PAS=4,842 (19.5%)	14,155 undi
P.165 Tanjung Piai (M=51%)	MCA=28,046 (82.6%)	DAP (C)=4,431 (13.1%)	23,615 undi
Jumlah BN	10	0	

Sumber: Result of the Malaysia General Election, 2004 by parliamentary constituency <https://en.m.wikipedia.org> (17 November 2018).

Dalam jadual di atas menunjukkan semua calon BN bukan Melayu menang besar di semua kawasan parlimen majoriti pengundi bangsa Melayu. Sokongan yang diberikan kepada calon keturunan bukan Melayu BN sama ada kepada calon daripada MCA, MIC atau Gerakan adalah sangat besar. Sokongan yang diberikan kepada semua calon BN adalah melebihi 60 peratus daripada keseluruhan para pengundi dalam setiap kawasan parlimen. Di tiga buah kawasan parlimen iaitu Alor Gajah, Ayer Hitam, Simpang Renggam dan juga di P. 165 Tanjung Piai sokongan pengundi kepada calon BN bukan Melayu adalah melebihi 75 peratus, iaitu masing-masing 76.0%, 79.6%, 76.3% dan 82.6%. Ini menunjukkan bahawa pengundi bangsa Melayu memberikan sokongan tanpa berbelah bagi tidak mengira sama ada calon BN bukan Melayu itu daripada mana-mana parti komponen sama ada daripada MIC, MCA atau Gerakan.

Calon-calon daripada PAS tidak dapat menarik sokongan yang besar pengundi Melayu-Islam walaupun bertanding di kawasan yang besar peratus pengundi bangsa Melayu. Misalnya di kawasan parlimen P.148 Ayer Hitam yang terdiri daripada 56 % pengundi Melayu, calon PAS hanya mendapat undi sebanyak 4,302 undi atau 17.1% daripada jumlah pengundi keseluruhan berbanding dengan calon BN bukan Melayu daripada MCA mendapat 20,065 undi atau 79.6% daripada keseluruhan pengundi. Pengundi kaum Cina di kawasan parlimen Ayer Hitam adalah lebih kecil daripada peratus pengundi Melayu, iaitu hanyalah sebanyak 40% sahaja pengundi kaum Cina.

Sokongan yang kecil kepada calon PAS juga berlaku di P. 151 Simpang Renggam. Calon PAS hanya mendapat sokongan yang kecil daripada pengundi Melayu iaitu seramai 4,842 undi (19.5%), walaupun pengundi Melayu di kawasan parlimen ini adalah sebanyak 54% daripada keseluruhan pengundi. Parti politik itu (iaitu BN) yang lebih dilihat oleh pengundi Melayu, bukan calon dan parti politik yang bertanding³ sama ada berbangsa Melayu atau bukan Melayu.

Pencapaian Calon BN Bukan Melayu dalam PRU ke-12, 2008

Pilihan raya umum ke-12, Mac 2008 telah menunjukkan perubahan pencapaian calon BN bukan Melayu daripada apa yang berlaku dalam PRU ke-11, 2004. Calon–calon bukan Melayu yang bertanding di kawasan majoriti pengundi bangsa Melayu sudah tidak lagi dapat mengekalkan kejayaan sebagaimana yang dicapai dalam pilihan raya umum ke-11, 2004. Hanya 7 calon yang dapat mempertahankan 10 kerusi yang dimenangi dalam pilihanraya 2004. 3 calon BN bukan Melayu telah gagal mempertahankan kerusi parlimen iaitu di P. 83 Kuantan, P.84 Hulu Selangor dan P. 116 Wangsa Maju. Kesemua tiga kerusi parlimen ini dimenangi oleh calon PKR. P. 83 Kuantan di menangi oleh calon PKR, Fuziah Salleh mengalahkan calon BN (MCA) Datuk Fu Ah Kiow⁴ dengan majoriti 1,826 undi. P. 94 Hulu Selangor juga di menangi oleh calon PKR (Melayu), Datuk Zainal Abidin Ahmad mengalahkan calon BN (MIC) Datuk G. Palanivel Govindasamy dengan majoriti 198 undi. Di P. 116 Wangsa Maju ditandingi oleh calon bukan Melayu di kedua-dua belah pihak, BN dan PKR. Calon PKR, Wee Choo Keong menang tipis dengan majoriti 150 undi mengalahkan calon BN (MCA) Datuk Yew Teong Look⁵.

³ Dalam konteks P.152 Simpang Renggam dalam PRU 2004 itu calon daripada keturunan Cina yang mewakili parti Gerakan tidak penting kerana yang dilihat adalah parti Barisan Nasional. Calon daripada PAS yang berbangsa Melayu dan beragama Islam tidak menjadi pilihan utama oleh kumpulan pengundi majoriti di kawasan parlimen itu, iaitu bangsa Melayu yang mewakili 54 % pengundi.

⁴ Datuk Fu Ah Kiow adalah Timbalan Menteri Keselamatan dalam Negeri.

⁵ Datuk Yew Teong Look adalah Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan.

Walaupun calon BN berjaya memenangi 7 kerusi parlimen, tetapi undi popular dan majoriti yang diperolehi oleh calon BN telah mula menurun. Peningkatan sokongan terhadap calon-calon Pakatan Rakyat sama ada kepada PKR, DAP atau PAS telah mula meningkat dengan jumlah yang besar. Kesemua 7 kerusi yang berjaya dikuasai oleh calon BN mengalami undi majoriti yang menurun. Trenda sokongan yang semakin kecil kepada calon-calon BN bukan Melayu telah mula berlaku dalam pilihan raya umum ke-12, 2008 ini. Angka-angka yang lebih terperinci sila lihat jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Keputusan Calon BN dan BA di Kawasan Parlimen Majoriti Melayu Terpilih dalam PRU ke-12, 2008

Kawasan Parlimen	Undi calon BN	Barisan Alternatif	Undi majoriti calon BN
P. 9 Alor Setar (M=63%)	MCA=20,741 (48%)	PKR(C)=20,557 (47.6%)	184 undi
P.77 Tanjong Malim (M=51%)	MCA=21,016 (55.1%)	PKR(M)=15,594 (40.9%)	5,422 undi
P.80 Raub (M=49%)	MCA=18,078 (52.5%)	DAP (M)=15,326 (44.5%)	2,752 undi
P.83 Kuantan (M=60%)	MCA=16,572 (46.3%)	PKR(M)=18,398 (51.4%)	1,826 undi
P.94 Hulu Selangor (M=54%)	MIC=22,979 (48.0%)	PKR (M)=23,177 (48.4%)	198 undi
P.116 Wangsa Maju (M=52%)	MCA=19,487 (49.0%)	PKR(C)=19,637 (49.3%)	150 undi
P135 Alor Gajah (M=58%)	MCA=26,354 (63.0%)	DAP=13,470 (32.2%)	12,884 undi
P.148 Ayer Hitam (M=57%)	MCA=20,230 (73.6%)	PAS=6,321 (23.0%)	13,909 undi
P.151 Simpang Renggam (M=54%)	Gerakan=16,450 (63.3%)	PAS=8,597 (33.1%)	7,853 undi
P.165 Tanjung Piai (M=50%)	MCA=23,302 (65.5%)	DAP (M)=10,931 (30.7%)	12,371 undi
Jumlah BN	7	3	

Sumber: Result of the 2008 Malaysian general election by parliamentary constituency, <http://en.m.wikipedia.org> (10 Disember 2019)

Pencapaian Calon BN Bukan Melayu dalam PRU ke-13, 2013

Keputusan pilihan raya umum ke-13, Mei 2013 telah menunjukkan perubahan yang lebih besar daripada perubahan awal yang berlaku dalam PRU ke-12, 2008. Calon-calon bukan Melayu yang bertanding di kawasan majoriti pengundi Melayu yang semakin berkurang daripada tujuh orang kepada enam orang dalam pilihan raya umum ke-13, 2013. Hanya 6 calon yang dapat mempertahankan kerusi yang dimenangi.⁶ Walaupun 6 kerusi parlimen mampu dipertahankan, tetapi undi majoritinya menurun dengan banyak. Empat orang calon BN telah dikalahkan oleh PR ialah calon kerusi parlimen di P. 9 Alor Setar, P. 80 Raub, P. 83 Kuantan dan P. 116 Wangsa Maju. P. 9 Alor Setar dimenangi oleh PKR (dari kaum Cina), DAP (bangsa Melayu di P. 80 Raub, PKR (bangsa Melayu) di P. 83 Kuantan dan PKR (kaum Cina) di P. 116 Wangsa Maju.

⁶ Kawasan Parlimen P. 94 Hulu Selangor dimenangi oleh calon daripada PKR dalam pilihan raya umum ke-12, 2008 berjaya diambil balik oleh calon BN daripada MIC dalam pilihan raya umum ke-13, 2013.

Walaupun calon BN masih berjaya memenangi 6 kerusi parlimen, tetapi undi popular dan majoriti yang diperolehi oleh calon BN telah menurun dengan jumlah yang besar berbanding dengan pencapaian dalam pilihan raya umum ke-12, 2008. Peningkatan sokongan terhadap calon-calon Pakatan Rakyat sama ada kepada PKR, DAP atau PAS telah mula meningkat dengan jumlah yang besar. Kesemua 6 kerusi parlimen yang berjaya dikuasai oleh calon BN mengalami undi majoriti yang menurun. Trenda sokongan yang semakin kecil kepada calon BN telah mula berlaku. Paling ketara penurunan undi majoriti BN dapat dilihat di P. 148 Ayer Hitam dan P. 165 Tanjong Piai. Dalam pilihan raya 2008 calon BN di Ayer Hitam, Dr. Wee Ka Siong mendapat 20,230 mengalahkan calon PAS, Hussin Sujak dengan majoriti 12,909 undi. Perubahan besar berlaku dalam pilihan raya umum ke-13 di mana calon BN, Dr. Wee Ka Siong mendapat 22,045 undi mengalahkan Hu Pang Chaw (PAS) dengan majoriti 7,310. Hu Pang Chaw mendapat 14,735 undi. Undi majoriti calon BN yang menurun juga berlaku di P. 165 Tanjong Piau daripada 12,371 undi (2008) kepada 5,457 undi dalam pilihan raya umum 2013.⁷ Angka-angka yang lebih terperinci sila lihat jadual 3 di bawah (secara perbandingan sila lihat juga jadual 2 di atas).

Jadual 3: Keputusan Calon BN dan PR di Kawasan Parlimen Majoriti Melayu Terpilih dalam PRU ke-13, 2013

Kawasan Parlimen	Undi calon BN	Pakatan Rakyat	Undi majoriti calon BN/PR
P. 9 Alor Setar (M=61%)	MCA=25,491 (44.2%)	PKR(C)=27,364 (47.4%)	1,873 undi
P.77 Tanjong Malim (M=53%)	MCA=28,225 (53.0%)	PKR(C)=23,897 (44.9%)	4,328 undi
P.80 Raub (M=50%)	MCA=20,601 (45.8%)	DAP(M)=23,415 (52.1%)	2,814 undi
P.83 Kuantan (M=63%)	UMNO=21,319 (44.7%)	PKR(M)=25,834 (54.1%)	4,515 undi
P.94 Hulu Selangor (M=56%)	MIC=37,403 (49.9%)	PKR (M)=33,989 (45.4%)	3,414 undi
P.116 Wangsa Maju (M=53%)	UMNO=26130 (44.9.%)	PKR(C)=31,641 (54.4%)	5,511 undi
P135 Alor Gajah (M=59%)	MCA=32,594 (59.2%)	DAP(C)=20,997 (38.2%)	11,597 undi
P.148 Ayer Hitam (M=56%)	MCA=22,045 (58.4%)	PAS (C)=14,735 (39.0%)	7,310 undi
P.151 Simpang Renggam (M=57%)	Gerakan=19,754 (57.0%)	PAS (C)=14,048 (40.5%)	5,706 undi
P.165 Tanjong Piai (M=51%)	MCA=25,038 (55.0%)	DAP (M)=19581 (43.0%)	5,457 undi
Jumlah BN	6	4	

Sumber: Result of the 2008 Malaysian general election by parliamentary constituency, <http://en.m.wikipedia.org> (8 Oktober 2019)

⁷ Dalam pilihan raya umum ke-13, Mei 2013 calon BN daripada MCA iaitu Wee Jeck Seng mendapat 25,038 undi manakala Mahdzir Ibrahim bertanding atas tiket DAP mendapat 19,581 undi. Wee Jeck Seng menang dengan majoriti 5,457 jauh lebih kecil berbanding dengan majoriti yang diperolehi dalam pilihan raya umum 2008 iaitu 12,371 undi. Lihat **Berita Harian**, Keputusan Penuh PRU-13, Selasa 7 Mei 2013, hal. 33.

Pencapaian Calon BN Bukan Melayu dalam PRU ke-14, 2018

Keputusan pilihan raya umum ke-14, Mei 2018 telah menunjukkan kemerosotan besar calon-calon BN bukan Melayu berbanding dengan apa yang dicapai dalam PRU ke-13, Mei 2013 dan kemenangan besar dalam pilihan raya umum sebelumnya. Calon–calon bukan Melayu yang bertanding di kawasan majoriti pengundi Melayu tidak lagi menang besar. Ianya berkangur daripada enam orang (2013) kepada hanya satu orang sahaja dalam pilihan raya umum ke-14, 2018. Hanya 1 orang calon yang dapat mempertahankan kerusi yang dimenangi, iaitu calon BN (MCA) di P. 148 Ayer Hitam dengan majoriti kecil 303 undi sahaja⁸. Sembilan orang calon BN lain telah dikalahkan oleh calon PH. Sembilan kerusi parlimen yang dimenangi oleh PH itu ialah calon PKR (dari kaum Cina) di P. 9 Alor Setar, calon PKR (Cina) menang di P. 77 Tanjung Malim, calon DAP (bangsa Melayu) di P. 80 Raub, calon PKR (bangsa Melayu) di P. 83 Kuantan, calon PKR (C) di P.84 Hulu Selangor, calon PKR (kaum Cina) di P. 116 Wangsa Maju, Calon PBBM di P. 135 Alor Gajah, calon PBBM di P. 151 Simpang Renggam dan calon PBBM di P. 165 Tanjung Piai.

Calon BN mengalami sokongan yang merosot di semua 10 kerusi parlimen dalam pilihan raya umum ke-14. Jumlah undi yang diperolehi oleh calon BN telah menurun dengan jumlah yang besar berbanding dengan pencapaian dalam pilihan raya umum ke-13, 2013. Peningkatan sokongan terhadap calon-calon PH sama ada kepada PKR, PBBM atau DAP telah meningkat dengan jumlah yang besar. Kesemua 9 kerusi yang berjaya dikuasai oleh calon PH mengalami peningkatan undi dan mendapat majoriti yang selamat. Semua calon-calon PH menang dengan undi majoriti yang besar. Hanya calon PBBM di P. 165 Tanjung Piai sahaja yang menang dengan majoriti yang agak kecil iaitu 524 undi. Tren sokongan yang semakin besar terhadap calon-calon PH telah berlaku dengan jelas dalam pilihan raya ke-14, 2018 ini. Angka-angka yang lebih terperinci sila lihat jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Keputusan Calon BN dan PH di Kawasan Parlimen Majoriti Melayu Terpilih dalam PRU ke-14, 2018

Kawasan Parlimen	Undi calon BN	Pakatan Harapan & Lain-lain parti politik	Undi majoriti calon BN/PH
P. 9 Alor Setar (M=61%)	MCA=14,181	PKR(C)=32,475 PAS=17,275	15,200 undi
P.77 Tanjung Malim (M=53%)	MCA=19,314	PKR(C)=24,672 PAS=10,311	5,358 undi
P.80 Raub (M=50%)	MCA=17,500	DAP(M)=20,659 PAS=7,866	3,159 undi
P.83 Kuantan (M=63%)	MCA=13,667	PKR(M)=22,807 PAS=14,696	8,111 undi
P.94 Hulu Selangor (M=56%)	MIC=27,392	PKR (C)=40,783 PAS= 16,620	13,391 undi
P.116 Wangsa Maju (M=53%)	MCA=17,940	PKR(C)=42,178 PAS=13,490	24,238 undi

⁸ Dalam Pilihan raya umum ke-13, 2013 calon BN Datuk Dr. Wee Ka Siong daripada MCA ini menang dengan majoriti besar 7,310 undi. Dalam pilihan raya umum ke-12, 2008 majoriti BN ini sangat besar iaitu 13,909 undi. Majoriti sebanyak 303 undi dalam pilihan raya umum 2018 adalah satu kemerosotan yang sangat besar. Lihat *Berita Harian*, Keputusan Penuh PRU-13, Selasa 7 Mei 2013, hal. 32.

P135 Alor Gajah (M=59%)	MCA=22,350	PPBM=29,330 PAS=6,135	6,980 undi
P.148 Ayer Hitam (M=56%)	MCA=17,076	DAP (C)=16,773 PAS =4,975	303 undi
P.151 Simpang Renggam (M=57%)	Gerakan=14,682	PPBM=18,157 PAS=2,983	3,475 undi
P.165 Tanjung Piai (M=51%)	MCA=20,731	PPBM=21,255 PAS=2,962	524 undi
Jumlah BN	1	9	

Sumber: Result of the 2008 Malaysian general election by parliamentary constituency, <http://en.m.wikipedia.org> (8 Oktober 2019)

Perbincangan dan Rumusan

Kajian ini mendapati bahawa terdapat perubahan besar sokongan pengundi kepada calon BN bukan Melayu yang bertanding di kawasan majoriti pengundi Melayu sejak pilihan raya umum ke-12, 2008. Dalam PRU ke-11, 2004 kesemua 10 kawasan parlimen dalam kajian ini dimenangi oleh calon BN. Kemenangan calon BN bukan Melayu menurun kepada 7 kawasan parlimen (PRU 2008), 6 orang (PRU 2013) dan hanya satu orang calon BN sahaja yang menang dalam pilihan raya umum ke-14, Mei 2018.

Kejayaan besar yang berlaku dalam pilihan raya ke-11, 2004 dimana semua calon BN bukan Melayu, khususnya daripada MCA dan MIC yang bertanding di kawasan parlimen majoriti pengundi Melayu berjaya menang dengan sokongan besar sudah berubah. Perubahan telah berlaku terhadap pencapaian calon bukan Melayu itu mulai pilihan raya umum ke-12 tahun 2008. Mulai pilihan raya umum ke-12, 2008 kemenangan besar calon bukan Melayu di kawasan majoriti Melayu yang benar-benar selamat seperti sebelumnya sudah tidak lagi berlaku. Perubahan besar yang semakin jelas telah berlaku dalam pilihan raya umum ke-13, 2013 dengan majoriti yang semakin kecil, walau pun masih berjaya memenangi 6 kerusi parlimen. Perubahan besar pengundi dapat dilihat dalam keputusan pilihan raya umum ke-14, Mei 2018 di mana hanya satu orang sahaja calon BN bukan Melayu yang mampu bertahan dengan majoriti yang kecil.

Jadual 5: Keputusan 10 Kawasan Parlimen Terpilih dalam Pilihan Raya Umum Ke-11 Hingga Pilihan Raya Umumke-14

Kawasan Parlimen	PRU ke-11, 2004	PRU ke-12, 2008	PRU ke-13, 2013	PRU ke-14, 2018
P.09 Alor Setar	BN-MCA	BN-MCA	PKR (C)	PKR (C)
P.77 Tanjong Malim	BN-MCA	BN-MCA	BN-MCA	PKR (C)
P.80 Raub	BN-MCA	BN-MCA	DAP (M)	DAP (M)
P. 83 Kuantan	BN-MCA	PKR (M)	PKR (M)	PKR (M)
P.94 Hulu Selangor	BN-MCA	PKR (M)	BN-MIC	PKR (C)
P.116 Wangsa Maju	BN-MCA	PKR(C)	PKR (C)	PKR (C)
P.135 Alor Gajah	BN-MCA	BN-MCA	BN-MCA	PBBM
P.148 Ayer Hitam	BN-MCA	BN-MCA	BN-MCA	BN-MCA
P.151 Simpang Renggam	BN-Gerakan	BN-Gerakan	BN-Gerakan	PBBM
P. 165 Tanjung Piai	BN-MCA	BN-MCA	BN-MCA	PPBM
Bilangan kerusi yang di menangi oleh calon BN	10	7	6	1

Mengapa perubahan sokongan kepada calon-calon bukan Melayu BN ini berlaku satu perubahan besar dalam PRU ke-13, 2013 dan paling jelas pengundi telah menolak calon BN bukan Melayu dalam PRU ke-14, 2018? Hanya satu orang calon BN bukan Melayu sahaja yang masih bertahan dalam PRU ke-14. Kemenangan calon BN di Ayer Hitam ini hanya dengan majoriti yang kecil. Apakah faktor yang dapat menjelaskan kegagalan calon-calon BN mempertahankan kerusi yang dimenanginya sebelum ini? Secara umumnya PRU ke-14 menunjukkan para pengundi telah menolak calon BN di seluruh negara kerana dasar dan kepimpinan semasa negara menjelang PRU ke-14. Ianya bukan semata-mata disebabkan oleh pengundi Melayu menolak calon BN bukan Melayu yang bertanding di kawasan majoriti bangsa Melayu. Ianya lebih dilihat kepada faktor parti politik yang bertanding iaitu parti BN yang kepimpinannya dikaitkan dengan masalah ekonomi semasa serta rasuah yang berlaku. Isu-isu ekonomi yang berlaku menjelang PRU ke-14 seperti isu GST, kenaikan harga barang pengguna, masalah pengangguran, harga petrol mempunyai hubungan rapat dengan penolakan pengundi terhadap calon BN. Dipihak yang satu lagi iaitu PH pula menawarkan pilihan yang lebih baik bagi rakyat Malaysia melalui Manifesto Pilihan raya Pakatan Harapan. Persepsi pemimpin BN yang dikaitkan dengan isu rasuah seperti isu 1MDB dan pemimpin utama BN mempengaruhi keputusan pengundi. Isu-isu ekonomi dan rasuah yang dikaitkan dengan pimpinan tinggi BN mempengaruhi keputusan pengundi. Sama ada benar atau tidak bukan persoalan penting di sini. Para pengundi memberi undi kepada PH dengan harapan masalah ekonomi dan masalah hidup semasa seperti kos hidup yang tinggi dapat diselesaikan dengan lebih baik oleh Kerajaan PH. PH berjanji akan menyelesaikan dan memenuhi janji kepada rakyat jika menang dalam masa selepas 100 hari mentadbir negara. Apa yang penting adalah persepsi pengundi dan hubungannya dengan keputusan yang dibuat oleh pengundi. Keputusan yang dilakukan oleh pengundi adalah berdasarkan kepada keyakinan pengundi pada masa membuang undi. Isu-isu yang dinyatakan di atas ini disebar dan mempengaruhi pengundi dengan meluas dan berkesan dengan adanya kemudahan dan perkembangan teknologi komunikasi yang sophisticated, murah, cepat dan meluas. Keburukan BN dan tawaran yang lebih baik yang dijanjikan oleh PH telah mengubah pola pengundian sebahagian besar pengundi. Dalam kes kajian ini sembilan daripada calon BN telah dikalahkan oleh calon PH dengan majoriti yang besar, iaitu satu perubahan keputusan yang sangat besar daripada apa yang berlaku dalam pilihan raya sebelum ini, khususnya dalam PRU ke-11, 2004 dan ke-12, 2008.

Adakah wajar kawasan parlimen yang mempunyai majoriti pengundi bangsa Melayu ditandingi oleh calon BN bukan Melayu? Apakah prinsip yang digunakan yang pengurusan BN meletakkan calon BN bukan Melayu di kawasan parlimen majoriti bangsa Melayu itu? Adakah ini mempunyai asas yang kukuh dalam amalan demokrasi? Penulis melihat pemilihan calon bukan Melayu bagi bertanding di kawasan parlimen majority Melayu ini adalah tidak wajar lagi buat masa sekarang. Ini dilihat daripada kedua-dua belah pihak sama ada pihak BN atau pun pihak PH. Kedua-dua belah pihak sepatutnya meletakkan calon daripada bangsa Melayu kerana kawasan itu mempunyai pengundi bangsa Melayu. Calon-calon BN bukan Melayu perlu bertanding di kawasan yang mempunyai majoriti bukan Melayu. Ini kerana dalam konteks politik Malaysia, persoalan kaum dan agama masih sukar untuk dipisahkan. Persoalan tolak-ansur dan semangat kerjasama antara parti politik komponen BN sudaj tidak timbul lagi kerana sekarang sudah terdapat banyak kawasan parlimen yang mempunyai kawasan majoriti kaum bukan Melayu (kawasan majoriti pengundi Cina). Tolak ansur dan semangat kerjasama antara BN (Parti Perikatan sebelum penubuhan BN) boleh diterima kerana dalam tahun-tahun awal kemerdekaan tidak mempunyai cukup kawasan parlimen yang boleh ditandingi oleh pemimpin utama parti komponen bukan Melayu.

Bertanding di kawasan majoriti kaum Cina bagi calon BN kaum Cina juga dapat dilihat dengan jelas akan sokongan kaum Cina terhadap calon daripada parti-parti komponen kaum Cina (seperti MCA dan Gerakan). Bertanding di kawasan yang mempunyai majoriti bangsa Melayu dengan alasan bagi bertanding kawasan selamat bagi menjamin kemenangan pemimpin utama sudah tidak lagi wajar. Ini juga dapat menggambarkan adakah kaum Cina memberikan sokongan atau tidak kepada parti BN. Kawasan majoriti Melayu juga sudah tidak boleh lagi dilihat kerusi selamat bagi calon BN bukan Melayu. Pengundi Melayu juga sudah berlaku beberapa pola perubahan pengundian dan sokongan, khususnya selepas pilihan raya umum ke-12, 2008.

Rujukan

- Amer Saifude Ghazali & Zulkarnain Abdul Rahman, (2011), Pilihan raya Umum ke-12: Tinjauan Mengenai Corak Pengundian. dalam Joseph M. Fernando, Zulkarnain Abdul Rahman dan Suffian Mansor (eds). *Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12: Isu dan pola Pengundian*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hal. 51-71.
- Ghazali Mayudin. (pnyt). (2008). *Politik Malaysia: Perspektif Teori dan Praktik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamidin Abd. Hamid. (2011). Pilihan raya Umum ke-12 di Johor: Perubahan atau Protes?. dalam Joseph M. Fernando, Zulkarnain Abdul Rahman dan Suffian Mansor (eds). *Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12: Isu dan pola Pengundian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hal. 164-184.
- Haris Zuan & Rizal Hamdan. (pnyt). (2012). *Wacana Baru Politik Malaysia: Perspektif Ruang Awam, Budaya dan Institusi*. Petaling Jaya: Strategic Information & Research Development Centre (SIRD).
- Joseph M. Fernando, Zulkarnain Abdul Rahman dan Suffian Mansor (eds.). (2011). *Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12: Isu dan pola Pengundian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Lim, Markus. (2013). MCA Sebagai Pelarian Politik. *Jurnal Pemikir*, 71 (Jan-Mac), 31-47.
- Mohd Izani Mohd Zain & Abdul Razak Ahmad. (2019). Permata Bertukar Pemilik: Cabaran dan masa Depan Politik Johor Pasca PRU ke-14. dalam Zulkarnain Abdul Rahman, Rosmadi Fauzi dan Amer Saifude Ghazali (eds.). *Pilihan raya Umum ke-14: Isu dan Cabaran Malaysia Baru*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hal. 297-323.
- Mohd. Noor Yazid. (2019). Faktor Sabah, Sarawak dan Johor dalam Pembentukan Kerajaan Pusat Malaysia: Analisis Pilihanraya Umum ke-13 dan ke-14. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(4), 87-96.
- Mohd. Noor Yazid. (2016). *Tiang Seri Perlembagaan dan Kuasa Politik Melayu*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Mohd. Noor Yazid. (2013). DAP, Pakatan dan Politik Malaysia. *Jurnal Pemikir*, 71 (Januari-Mac), 49-66.
- Mohd. Noor Yazid. (2011). *Percaturan Kuasa dan Politik Pilihanraya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd. Noor Yazid. (2010). Merenung Pilihan Raya ke-13: Melayu Gawat, Barisan Tergugat. *Jurnal Pemikir*, 60, (April-Jun), 81-104.
- Ooi Kee Beng, Johan Saravanamuttu & Lee Hock Guan. (2008). *March 8 Eclipsing May 13*. Pasir Panjang, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- Oong Hak Ching. (2000). *Chinese Politics in Malaya 1942-1955: The Dynamic of British Policy*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tapsell, R. (2018). The Smartphone as the “Weapon of the Weak”: Assessing the Role of Communication Technologies in Malaysia’s Regime Change. *Journal of Current South East Asian Affairs*, 37 (3), 9-29.

- Tew Peng Kooi. (2011). Prestasi MCA, Gerakan dan DAP. dalam Joseph M. Fernando, Zulkarnain Abdul Rahman dan Suffian Mansor (eds). *Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12: Isu dan pola Pengundian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya,hal. 219-247.
- Wan Norhasniah Wan Husin. (2012). *Peradaban dan Perkauman di Malaysia: Hubungan Etnik Melayu-Cina*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Zulkarnain Abdul Rahman, Rosmadi Fauzi dan Amer Saifude Ghazali. (eds.). (2019). *Pilihan raya Umum ke-14: Isu dan Cabaran Malaysia Baru*. Kuala Lumpur; Penerbit Universiti Malaya.